

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK JUSLIE BIN AJIROL**

**TARIKH : 21 NOVEMBER 2017**

**RUJUKAN : 10357**

**SOALAN:**

PR-1353-L03088

**Datuk Juslie Bin Ajirol [Libaran]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah tangkapan pendatang asing tanpa izin (PATI) kerana gagal mendaftar dan memiliki *Enforcement Card* (E-Kad) dan jumlah majikan yang gagal mematuhi peraturan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia.

75

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Dipertua,**

**Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) telah menjalankan 'Ops Mega JIM' mulai 1 Julai 2017 bagi menangkap dan menahan majikan dan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang enggan mendaftar di bawah Program E-Kad. Sehingga 30 September 2017, sebanyak 4,367 buah premis telah diperiksa dan seramai 55,204 orang warga asing telah diperiksa. Daripada jumlah tersebut, seramai 14,657 orang PATI telah ditangkap dan 351 orang majikan telah ditahan untuk siasatan.**